

LAPORAN AWAL TAHUN KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK)

KPPK mengorak sinar cerah permulaan 2021

Oleh EVA NATASHA SADALI

11 Januari 2021: Penyelidikan MPOB manfaat industri sawit

LEMBAGA Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalankan penyelidikan yang memjana teknologi dan inovasi telah memberi manfaat kepada kemajuan industri sawit dan bidang saintifik negara.

Menteri Perindustrian Perdagangan dan Komoditi Datuk Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali berkata ia merupakan strategi penting bagi pembangunan mampan industri sawit negara. "Sehingga kini, MPOB telah menghasilkan 704 teknologi dan inovasi termasuk formulasi produk dan perkhidmatan dalam sektor sawit yang ditawarkan untuk pengkomersialan kepada pihak industri dan usahawan tempatan.

MPOB juga telah memertama beberapa pengiktirafan dalam bidang saintifik dan inovasi penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun lepas.

Antaranya memenang Anugerah Inovasi Asia Selatan dan Asia Tenggara di bawah kategori Penyelidikan Organisasi Kerajaan oleh Charivote dan diiktiraf sebagai Inovator Utama di Malaysia yang ditunjukkan sempena Forum Inovasi Charivote Asia Selatan dan Asia Tenggara 2020.

MPOB turut memertama empat Anugerah Produk Inovasi Malaysia (MIPA) dan Anugerah

Inovasi Terbaik MEPA di samping berjaya merangkul tiga pingat emas dan satu perak di Pameran Penyelidikan, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITES 2020) serta dua pingat emas, dua pingat perak dan dua pingat gangsa di Ekspo Teknologi Malaysia 2020 (MTE 2020).

11 Januari 2021: MPOB jangka hasil eksport minyak sawit mencapai RM74 bilion tahun ini

Tahun 2021 dijangka membawa prospek lebih cerah bagi industri sawit Malaysia dengan semua petunjuk utama ditunjuk mencatatkan prestasi lebih baik.

Hasil eksport daripada minyak sawit dan produk minyak sawit tahun ini dijangka meningkat sebanyak 2.4 peratus kepada RM74 bilion berbanding RM72.30 bilion yang dicatatkan pada 2020.

Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dijangka meningkat sebanyak 2.9 peratus kepada 19.70 juta tan metrik daripada 19.14 juta tan metrik tahun lepas manakala stok dijangka melonjak 98.7 peratus kepada dua juta tan metrik berbanding 1.26 juta tan metrik.

Eksport minyak sawit dijangka meningkat 2.7 peratus kepada 17.90 juta tan metrik daripada 17.37 juta tan metrik. Meskipun berdepan perbagai halangan di dalam dan luar negara, industri minyak sawit Malaysia berjaya menyesuaikan diri dengan norma baharu.



11 Januari 2021: MSM diunjurkan 19.70 tan pada tahun ini berbanding 19.14 tan pada 2020

Menteri Perindustrian Perdagangan dan Komoditi, Datu/ Dr Mohd Khairuddin Aman Razali memantapkan Palm Oil Economic Review and Outlook (PERO) Virtual Conference 2021.

Pertandingan anjutan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ini memberi sambutan kepada kemajuan industri minyak sawit sepanjang tahun 2021 serta perkembangan perdagangan di peringkat global.

Pencapaian industri sawit tahun lalu mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2019 khususnya prestasi eksport dan harga minyak sawit.

Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) bagi tahun 2020 meningkat dengan ketara kepada RM2,695.95 per tan berbanding RM2,079 per tan pada tahun 2019.

Harga MSM berada di paras tertinggi, RM3,835.90 setan pada 24 Disember 2020 berbanding paras rendah RM1,021.50 setan pada 12 Mei 2020, iaitu peningkatan sebanyak 39.7 peratus.

Bagi tahun 2021, harga MSM dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding perkembangan terkini.

Pengeluaran MSM pada tahun 2021 diunjurkan sebanyak 19.70 juta tan berbanding 19.14 juta tan pada 2020.

Ini berikutan jangkaan pengembangan kawasan tanaman sawit matang serta kesan cuaca kering yang mempengaruhi penghasilan Buah Tandam Segar (BTS) dan seterusnya pengeluaran MSM.

Sejajar dengan perancangan kerajaan memperkukuhkan kemajuan industri sawit, kemajuan bidang penyelidikan yang memjana teknologi dan inovasi baharu merupakan strategi penting pembangunan mampan industri sawit negara.

Dalam konteks penyelidikan, MPOB adalah agensi utama peneraju bidang penyelidikan dalam industri sawit yang berpepatan memjana inovasi dan teknologi bagi kemajuan industri sawit negara.

Penyelidikan MPOB telah menghasilkan lebih 704 teknologi dan inovasi termasuk formulasi produk dan perkhidmatan dalam sektor sawit yang ditawarkan

untuk pengkomersialan kepada pihak industri dan usahawan tempatan.

Pencapaian MPOB dalam mengkomersialkan teknologi dan inovasi serta penerbitan saintifik yang berimpak tinggi akan memberi manfaat kepada kemajuan industri sawit dan bidang saintifik.

Kerajaan selesai bayar BMT 2020 pekebun kecil getah

Sehingga 5 Jun lalu, Kerajaan telah menyelesaikan pembayaran Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) kepada kira-kira 132,000 pekebun kecil getah atau 98.6 peratus daripada yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (PERKASA) berjumlah RM2.22 juta.

Setiap pekebun menerima RM600 bantuan meringankan beban mereka menepati pematuhan produktiviti berikutan musim tengkujuh.

Pembayaran dibuat menerusi e-perbankan manakala bagi kawasan pedalaman yang tidak ada bank atau kemulahan jalan

Sambung muka 3 >>

Misi Bantuan Banjir Pahang: KPPK Sumbang RM300,000

SEDA maham, kebanyakan negeri di Pantai Timur sedang menghadapi bencana banjir besar yang meragut nyawa dan mengakibatkan kemusnahan harta benda.

Lantas, 44 kepimpinan PAS yang terdiri daripada pelbagai agensi, NGO malah Kementerian turut turun padang bagi menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Baru-baru ini, Deputi KPPK bersama Menteri, Datu/ Dr Mohd Khairuddin Aman Razali telah mengadakan lawatan kerja terhadap mangsa banjir di Raub Pahang bagi mengukuhkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Bantuan sebanyak RM300,000 disumbangkan bagi membaik pulih rumah serta perkhidmatan

perkhidmatan kepada mangsa-mangsa banjir.

Catatan 7 Januari 2021
Lawatan diwujudkan di Pusat Pemendahan Sementara (PPS) SENAS Gadu Tengah, yang menempatkan seramai 755 mangsa banjir terdiri daripada 52 buah keluarga.

Selepas itu, mereka berpraktik ke PPS Sekolah Kebangsaan Mohd Isah di Dung Raub yang menempatkan seramai 147 mangsa banjir yang terdiri daripada 47 buah keluarga.

Sumbangan terus berupa wang tunai dan keperluan asas seperti minyak masak, beras, roti, bukur disampaikan kepada setiap keluarga yang terlibat.

Pada lawatan terakhir hari

berkenaan, Datu/ Dr Mohd Khairuddin Aman Razali melihat sendiri kerja-kerja membuka jambatan Kampung Lechar, Ulu Dong di Raub yang runtuh akibat air deras dan banjir sebelah kiri yang menghalang laluan orang ramai ke kawasan ladang mereka.

Turut berucap sama dalam lawatan tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Raya Kapay Malaysia (MTC), Mubhar Subhali dalam menyampaikan sambutan mesra.

Catatan 9 Januari 2021
Misi bantuan banjir di Pahang diteruskan dengan serah terima bantuan kewangan dan bekalan maklumat kepada mangsa banjir di Chenor.



Deputi KPPK bersama Menteri, Datu/ Dr Mohd Khairuddin Aman Razali telah mengadakan lawatan kerja terhadap mangsa banjir di Raub Pahang.

Point penempatan yang dilawati adalah Sekolah

Ehungan Penang dan PPS Pujing.